

## PENGENALAN

Anugerah **Bakat Muda Sezaman (BMS)** adalah pertandingan seni visual dwitahunan terbuka untuk para seniman muda Malaysia di bawah usia 35 tahun. BMS mula dianjurkan oleh Balai Seni Negara sejak tahun 1974. Sejak diperkenalkan, BMS telah melalui fasa-fasa penambahbaikan secara berterusan sehingga diperakukan sebagai platform berprestij di persada negara yang telah melahirkan bakat-bakat muda tersohor negara.

BMS23, mempelawa seniman visual muda negara yang berbakat menyertai pertandingan ini untuk mengetengahkan idea dan kreativiti budaya kontemporari yang dalam masa yang sama mencerminkan pandangan alam Asia Tenggara, dalam pendekatan baharu. Peserta dijemput menyahut cabaran:

- Membangunkan karya fizikal di mana-mana lokasi negeri seluruh Malaysia, (kelulusan cadangan lokasi tertakluk kepada rundingan bersama penganjur, pemilik premis, Pihak Berkuasa Tempatan atau Kerajaan Negeri), ATAU;
- Menghasilkan karya secara virtual atau menggunakan platform media sosial sebagai cara persembahan karya.

## TERMA DAN SYARAT

- Penyertaan adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 sehingga 35 tahun pada tarikh tutup penyertaan.
- Borang penyertaan MESTILAH lengkap dengan salinan Kad Pengenalan (muka hadapan dan belakang).
- Hak cipta intelek dan moral adalah kepunyaan peserta. Penyertaan secara kolaborasi, penglibatan komuniti dan *participatory art* dibenarkan dan hanya perlu mendaftar dalam satu borang penyertaan sahaja.
- Segala bentuk ekspresi karya perlu mematuhi prinsip Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Pihak penganjur berhak menolak apa-apa karya yang didapati menggugat keselamatan negara, mengganggu ketenteraman awam, menyalahi moral dan etika seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

- Semua penyertaan mesti diterima sebelum 31 Julai 2023 (Isnin), sebelum jam 5.00 petang waktu tempatan. Kelewatan penghantaran borang penyertaan tidak akan diterima.

## YURAN PENYERTAAN

Hanya penyertaan yang terpilih ke Peringkat 2 sahaja akan dikenakan yuran sebanyak RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja). Pembayaran adalah dalam bentuk tunai atau Bank Draf di atas nama **LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA**.

## SARINGAN PENYERTAAN

Semua penyertaan akan melalui dua (2) peringkat saringan iaitu:

- **PERINGKAT 1** - saringan cadangan idea (lakaran idea dan konsep)
- **PERINGKAT 2** - saringan karya akhir (karya dipamerkan di lokasi)

## Peringkat 1 (Saringan cadangan idea)

- Borang penyertaan yang dihantar secara dalam talian dikira lengkap, sekiranya mengandungi perkara-perkara berikut:
  - Kertas Cadangan Karya (dalam format JPG atau PDF sahaja).
  - Curriculum Vitae lengkap yang mengandungi maklumat latar belakang pendidikan, pengalaman, pameran atau aktiviti peserta.
  - Cadangan teknikal persembahan, susun atur dan manual pemasangan karya di lokasi.
  - Bahan rujukan seperti keratan akhbar serta penulisan dan artikel peserta di majalah, makalah, katalog pameran, laman sesawang dan lain-lain yang berkaitan boleh disertakan sebagai bahan sokongan karya pada peringkat saringan.

- Peserta yang terpilih ke Peringkat 2 akan dimaklumkan secara rasmi melalui surat, e-mel atau telefon.

## Peringkat 2 (Saringan karya akhir)

- Peserta perlu membuat persiapan karya akhir untuk sesi penjurian.
- Peserta akan dibantu oleh Kurator LPSVN dan Pakar Rujuk Negeri yang dilantik untuk memberikan khidmat nasihat kepakaran dan perkongsian kepada peserta sewaktu proses persiapan karya menerusi sesi 'Open LAB'.
- Karya yang terpilih akan memulakan pemasangan pada 1 November 2023 hingga 30 November 2023, sebelum jam 5.00 petang waktu tempatan.
- Penjurian karya peserta akan dimaklumkan oleh Urus setia BMS.

## PENYEDIAAN KARYA AKHIR

- Peserta akan berkongsi proses perkembangan idea dan persiapan karya akhir karya bersama Kurator LPSVN dan Pakar Rujuk Negeri. Perbincangan boleh dilakukan secara lawatan ke studio peserta, perbincangan dalam talian dan wacana bersama peserta yang akan digunakan sebagai bahan promosi dalam mendapatkan undian dari pengunjung (Undian Dalam Talian dan Undian Di Lokasi).
- Pemasangan karya akhir yang melibatkan peralatan, kelengkapan seperti projektor, peralatan digital, layar dan lain-lain termasuk kos adalah di bawah tanggungan peserta.
- Peserta dibenarkan untuk mendapatkan penajaan dari pihak ketiga bagi membiayai keperluan teknikal karya dengan syarat memaklumkan kepada pihak penganjur dan mematuhi polisi pihak kerajaan.

- Penganjur menggalakkan peserta untuk mendapatkan perlindungan insurans ke atas karya sepanjang tempoh pameran.

- Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan atau kehilangan karya peserta di lokasi. Peserta disarankan mengemas semula karya di lokasi dalam tempoh satu (1) bulan selepas tamat pameran.

- Karya peserta tidak semestinya akan dipamerkan selepas penjurian akhir sekiranya didapati tidak menepati polisi Balai Seni Negara dan syarat pertandingan.

- Balai Seni Negara berhak diberikan keutamaan terlebih dahulu dalam urusan memperoleh (membeli) karya-karya pertandingan. Sebarang perundingan pembelian karya peserta dengan pihak luar sepanjang tempoh pertandingan dan pameran perlu dimaklumkan terlebih dahulu kepada Urus setia BMS.

- Semua peserta yang terpilih ke peringkat akhir akan menerima sijil penyertaan.

## PENJURIAN AKHIR

Penilaian dan keputusan penjurian adalah muktamad. Penjurian merangkumi satu (1) karya sebenar yang memenuhi segala syarat dan terma pertandingan. Setiap peserta hanya dibenarkan untuk menghasilkan satu (1) karya sahaja.

Keputusan pemenang akan diumumkan pada hari perasmian pameran dan penganugerahan BMS23.

## TARIKH PENTING

Tarikh tutup permohonan  
**31 Julai 2023**

PERINGKAT 1 (Saringan cadangan idea)  
**21 hingga 25 Ogos 2023**

PERINGKAT 2 (Saringan karya akhir dan penjurian)  
**1 hingga 31 Disember 2023**

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Urus setia BMS:  
**Pn. Adina Quraisa Ibrahim**  
**En. Syahrul Niza Ahmad Zaini**  
**En. Mohd Noorhisyam Amir Nazarullah**  
**En. Muhammad Faez Abdul Aziz**

E-mel: [bms@artgallery.gov.my](mailto:bms@artgallery.gov.my)

Tel : **603 4026 7000**  
Faks : **603 4025 4987**

Sebarang pengumuman berkaitan BMS23 akan dimaklumkan melalui:  
[www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)

 Balai Seni Negara Official

**ADALAH DIMAKLUMKAN, SEBARANG MAKLUMAT PERIBADI YANG DIBERI KEPADA PIHAK PENGANJUR ADALAH DILINDUNGI OLEH AKTA 709 AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010.**